

# Pentadbiran 'Am

## I.—PENDAHULUAN

848. Bab ini membincangkan keperluan<sup>2</sup> bangunan dan kelengkapan untuk Pentadbiran 'Am dalam Rancangan Malaysia Kedua. Semasa Rancangan Malaysia Pertama, perbelanjaan pembangunan berjumlah \$138.1 juta telah di-peruntokkan bagi Pentadbiran 'Am. Sa-bahagian besar dari jumlah ini ia-lah bagi membena bangunan<sup>2</sup> Kerajaan. Memandang kepada bayaran sewa yang tinggi, ada-lah lebih jimat dalam jangka panjang jika Kerajaan membena bangunan<sup>2</sup> pejabat-nya sendiri di-tempat<sup>2</sup> yang sesuai.

849. Kerumitan besar dalam pelaksanaan projek<sup>2</sup> Rancangan Malaysia Pertama ia-lah masalah mendapatkan tapak yang sesuai. Satu kerumitan lagi ia-lah keupayaan teknik yang terhad untuk menyediakan rekabentuk dan menyelia pembenaan bangunan<sup>2</sup> pejabat. Sedikit sa-banyak kerumitan ini telah di-atasi dengan menggunakan pelan<sup>2</sup> yang telah di-tetapkan.

850. Dengan seberapa yang boleh dan dengan tujuan mengatasi kerumitan<sup>2</sup> tersebut pembenaan bangunan pejabat<sup>2</sup> dalam Rancangan Malaysia Kedua akan di-ranchang supaya beberapa pejabat di-tempatkan dalam satu kawasan yang sesuai. Juga ranchangan pembenaan ini akan di-anggap sebagai sa-bahagian daripada ranchangan<sup>2</sup> 'am dalam peranchangan dan pemulehan bandar.

## II.—RANCHANGAN<sup>2</sup> JABATAN DALAM RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA

851. Sa-bahagian besar daripada peruntokan Pentadbiran 'Am ia-lah untuk membena bangunan Kerajaan bagi memenuhi permintaan yang



makin meningkat dan juga untuk mengganti dan memperbaiki pejabat<sup>2</sup> yang ada sekarang. Di-antara-nya ia-lah:

- (i) Kompleks baharu untuk Surohanjaya Ibu Kota, termasuk pejabat<sup>2</sup>, dewan perkumpulan dan pusat kebudayaan;
- (ii) Bangunan<sup>2</sup> baharu untuk Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan, Kementerian Pelajaran, Jabatan Imigresen dan Kementerian Kewangan termasuk Jabatan Hasil Dalam Negeri dan Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Di-Raja; dan
- (iii) Kompleks baharu untuk Arkib Negara dan Perpustakaan Negara.

852. Projek<sup>2</sup> bangunan yang penting di-Sabah ia-lah:

- (i) Bangunan Kerajaan Pusat untuk menempatkan Jabatan<sup>2</sup> yang sekarang ini menggunakan bangunan<sup>2</sup> yang di-sewa. Antara-nya ia-lah Pejabat Setiausaha Kerajaan Persekutuan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan<sup>2</sup> Hasil Dalam Negeri, Perangkaan, Pertahanan Awam, Pendaftaran, Imigresen, Pelajaran dan Pejabat Pilehanraya;
- (ii) Bangunan<sup>2</sup> baharu untuk Dewan Undangan, Pejabat Ketua Menteri, Jabatan<sup>2</sup> Kerja Raya, Ukor, Pertanian, Perubatan dan Hutan; dan
- (iii) Pembinaan Perpustakaan Pusat dan Stadium Negeri dan penyiapan Pusat Pembangunan Masyarakat yang telah di-mulakan dalam Rancangan Malaysia Pertama.

853. Sa-bahagian besar daripada rancangan bangunan di-Sarawak mengandungi:

- (i) Bangunan<sup>2</sup> baharu Kerajaan Pusat untuk Jabatan<sup>2</sup> Perangkaan, Hasil Dalam Negeri, Penyiaran, Pos, Kerjasama, Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Pejabat Pilehanraya, yang semua-nya menggunakan bangunan<sup>2</sup> yang di-sewa sekarang ini;
- (ii) Pembinaan pejabat<sup>2</sup> Kerajaan Negeri dan pindaan pejabat<sup>2</sup> yang ada sekarang termasuk pejabat<sup>2</sup> daerah yang di-tempatkan di-bangunan<sup>2</sup> lapok dan sempit. Bangunan<sup>2</sup> ini ia-lah terutamanya untuk Jabatan<sup>2</sup> Pertanian, Parit dan Taliayer, Tanah dan Ukor dan Pengangkutan;
- (iii) Pejabat<sup>2</sup> Daerah, Tempat<sup>2</sup> Kediaman Residen dan Rumah<sup>2</sup> Rehat di-beberapa daerah; dan
- (iv) Bangunan Muzium baharu di-Sibu.



854. Perbelanjaan<sup>2</sup> pembangunan lain yang di-masokkan dalam Pentadbiran 'Am di-terangkan dengan ringkas di-perenggan<sup>2</sup> berikut.
855. *Kehakiman*. Peruntokan yang berjumlah \$9.6 juta bagi tempoh 1971-75 ia-lah untok pembenaan mahkamah<sup>2</sup> di-beberapa tempat di-Malaysia Barat, di-Tawau dan Keningau di-Sabah dan di-Sibu, Sarawak; dan juga untok memperbesarkan bangunan mahkamah di-Sandakan. Satu Dewan Kehakiman atau "Palace of Justice" akan di-bena di-Ibu Kota untok memenohi keperluan<sup>2</sup> pentadbiran kehakiman yang makin bertambah.
856. *Kastam dan Eksais*. Peruntokan sa-jumlah \$12.5 juta ia-lah untok menambah lagi tempat kediaman pegawai<sup>2</sup> di-beberapa tempat, membena bilek<sup>2</sup> tegoh dan setor<sup>2</sup>, membeli kenderaan<sup>2</sup>, bot<sup>2</sup> dan kelengkapan tambahan untok melichinkan lagi tugas mencheгах penyeludupan.
857. *Kimia*. Peruntokan sa-banyak \$1.9 juta ia-lah untok membena ma'amal<sup>2</sup> chawangan di-Ipoh dan Kota Kinabalu dan membesarkan ma'amal di-Petaling Jaya dan Johor Bahru. Ini akan membolehkan perkhidmatan wilayah ma'amal yang lebeh lengkap di-adakan untok memenohi permintaan perkhidmatan nasehat sains yang makin bertambah.
858. *Perchetakan*. Sa-jumlah \$5.3 juta telah di-peruntokkan. Sa-banyak \$0.43 juta daripada-nya ia-lah bagi menyiapkan pejabat chawangan di-Johor Bahru dan membesarkan bangunan ibu pejabat. Sa-jumlah \$1.2 juta telah di-sediakan untok pejabat perchetakan Kerajaan di-Sabah. Baki daripada peruntokan tersebut ia-lah untok mengganti dan membeli jentera<sup>2</sup> dan kelengkapan tambahan.
859. *Penjara*. Peruntokan sa-jumlah \$20 juta di-Malaysia Barat ia-lah untok mengadakan tempat<sup>2</sup> kediaman tambahan bagi kakitangan dan membaiki bangunan penjara<sup>2</sup> untok menjaga mutu penjara di-negeri ini. Dalam tempoh Ranchangan ini, pembenaan penjara dan ibu pejabat baharu di-Kajang juga akan di-mulakan. Ini akan mengganti Penjara Pudu yang sekarang bertempat di-kawasan yang labeh sesuai lagi menguntongkan untok kegunaan<sup>2</sup> lain. Peruntokan sa-jumlah \$1.46 juta untok Malaysia Timor ia-lah bagi membena rumah<sup>2</sup> kediaman kakitangan dan bangunan penjara di-Kota Kinabalu dan Miri.
860. *Perhubungan Perusahaan dan Buroh*. Peruntokan sa-banyak \$1.32 juta ia-lah untok membena pejabat<sup>2</sup> baharu dan membaiki pejabat<sup>2</sup> yang ada sekarang di-Malaysia Barat. Bangunan<sup>2</sup> baharu untok Lembaga Buroh



Pelabohan di-Pulau Pinang dan untuk pejabat<sup>2</sup> luar Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat. Pusat<sup>2</sup> persinggahan akan di-dirikan di-Sabah untuk memudahkan pemindahan buroh dari Malaysia Barat ka-Malaysia Timor.

861. *Ukor.* Sa-banyak \$0.68 juta telah di-sediakan bagi Malaysia Barat untuk membeli alat pemeta letronik, pembenaan alat sukatan ayer pasang dan bangunan untuk mesin<sup>2</sup> fotogrameterik di-sebelah Pejabat Ukor Kuala Lumpur. Peruntokan bagi ranchangan di-Sarawak sa-banyak \$2.53 juta ia-lah untuk pemetaan topografi, pengambilan gambar<sup>2</sup> dari udara, pembenaan alat<sup>2</sup> sukatan ayer pasang dan pembelian alat<sup>2</sup> ukor. Bagi Sabah pula peruntokan sa-banyak \$1.72 juta ia-lah untuk menjalankan kajian<sup>2</sup> topografi dan kontor menyediakan peta kemajuan tanah, membena alat<sup>2</sup> sukatan ayer pasang dan mendapatkan perkhidmatan<sup>2</sup> perunding. Perkhidmatan<sup>2</sup> perunding perlu di-dapati oleh kerana keupayaan teknik di-Sabah ada-lah terhad.

862. *Penerangan.* Sa-jumlah \$4.93 juta telah di-sediakan untuk membena pejabat<sup>2</sup> penerangan dan tempat<sup>2</sup> kediaman dan membeli kenderaan<sup>2</sup> darat, laut dan sungai. Ini akan membolehkan Jabatan ini meluaskan perkhidmatan luar bandar di-samping memupok kesedaran dan perpaduan negara.

863. *Imigeresen.* Peruntokan sa-jumlah \$2.3 juta telah di-sediakan untuk membena dan membaiki Pejabat Imigeresen dan tempat kediaman di-bandar<sup>2</sup> sempadan dan membeli bot<sup>2</sup> tambahan.

864. *Kementerian Luar Negeri.* Peruntokan sa-banyak \$10 juta telah di-sediakan bagi Kementerian ini. Sa-bahagian besar daripada-nya ia-lah untuk menyiapkan beberapa Kedutaan dan Kediaman Resmi dan juga untuk membena dan membeli bangunan<sup>2</sup> untuk di-gunakan sebagai kedutaan<sup>2</sup> dan kediaman<sup>2</sup> resmi yang baharu di-Paris, Wellington, New Delhi, Jakarta, Medan, Songkhla, Ottawa, Islamabad, Jakarta dan Khahirah.

865. *Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri.* Peruntokan dalam bidang ini berjumlah \$1,100 juta dan sa-banyak \$419 juta ia-lah untuk kediaman.

866. Peruntokan<sup>2</sup> dalam Ranchangan bagi Pentadbiran 'Am di-bentangkan dalam Jadual 17-1.



JADUAL 17-1

PERUNTOKAN BAGI PENTADBIRAN 'AM, PERTAHANAN DAN KESELAMATAN DALAM NEGERI, 1971-75

(\$ juta)

				<i>Malaysia Barat</i>	<i>Sabah</i>	<i>Sarawak</i>	<i>Malaysia</i>
Bangunan <sup>2</sup> pejabat	..	..		71.50	32.24	26.62	130.36
Muzium dan arkib	..	..		6.10	—	—	6.10
Kehakiman	..	..	..	8.33	0.55	0.74	9.62
Kastam dan eksais	..	..		11.93	0.60	—	12.53
Kimia	..	..	..	1.24	0.61	—	1.85
Perchetakan	..	..	..	3.68	1.21	0.40	5.29
Penjara	..	..	..	20.05	0.40	1.06	21.51
Perhubungan perusahaan dan buroh	..	..	..	1.32	0.25	—	1.57
Ukor	..	..	..	0.68	1.72	2.53	4.93
Penerangan	..	..	..	2.08	2.07	0.78	4.93
Imigresen	..	..	..	1.77	0.07	0.46	2.30
Kedutaan <sup>2</sup> di-seberang laut	..			10.00	—	—	10.00
Lain <sup>2</sup>	..	..	..	0.59	—	—	0.59
				<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pentadbiran 'am..	..	..		139.27	39.72	32.59	211.58
Angkatan bersenjata	..	..		813.07	24.60	12.40	850.07
Polis	..	..	..	181.00	30.00	39.00	250.00
				<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
		Jumlah	..	1,133.34	94.32	83.99	1,311.65
				<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>





Hakcipta Kerajaan Terpelihara  
 Kebenaran Pengarah Pemetaan Negara, Malaysia, wajib didapati  
 sa-belum peta ini atau sebahagian daripada-nya di-salin.



107°

109°

111°

113°

115°

# PETA MALAYSIA

Sekil 1:4,350,000

0 50 100 150 200 Batu

KOTA K

LAUT CHINA SELATAN

P. NATUNA

NAMBAS

P. AIRABU

P. SUBI BESAR

P. TAMBELAN

P. BENUA

BEAUFORT

P. LABUAN

VICTORIA

BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN

TUTONG

Seria

MIRI

Long Teru

Long Lama

Longo Miri

Pa Ti

FIFTH DIVISION

FOURTH DIVISION

BINTULU

MUKAH

Igan

Daro

SIBU

KANOWIT

Belaga

RAJAWA

Belaga

SARAIKI

THIRD DIVISION

SARATOK

KAPIT

SECOND DIVISION

KUCHING

SMUNJAN

SIMANGGANG

LUBOK ANTU

LUNDU

S. Kapuas

KALIMANTAN

107°

109°

111°

113°

115°



